

16 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Konspirasi)

SIASATAN KES ANWAR TERMASUK ELEMEN KONSPIRASI, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Siasatan polis terhadap kes Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengambil kira elemen konspirasi politik untuk menjatuhkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu, mahkamah diberitahu hari ini.

SAC I Musa Hassan, pegawai penyiasat dalam kes itu berkata siasatan beliau meliputi semua elemen termasuk penglibatan ahli politik.

"Ia bagi memastikan sama ada terdapat konspirasi politik terhadap tertuduh," katanya.

Musa saksi ke-13 pendakwaan berkata demikian pada perbicaraan terhadap Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga bekas Menteri Kewangan yang menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbicaraan yang didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul kini masuk hari ke-28.

Semasa disoal balas oleh peguam Gurbachan Singh, Musa berkata beliau memulakan siasatan terhadap kes itu pada 22 Jun 1998 setelah tidak mengambil tindakan lanjut tahun lepas.

Kenyataan pertama yang diambil ialah daripada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar oleh pegawai-pegawainya pada Jun lepas.

Ummi Hafilda Ali ialah adik bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin Ali dan penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Azizan pula ialah bekas pemandu Datin Seri Wan Azizah Ismail, isteri Anwar, yang membuat pengakuan bersumpah yang dia diliwat Anwar dan pengakuan itu disertakan bersama surat berkenaan.

Ketika ditanya sama ada kenyataan diambil daripada Dr Mahathir, Tun Daim Zainuddin (Menteri Tugas-tugas Khas), Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor untuk kes berkenaan, beliau berkata ianya tidak diambil daripada mereka sama ada oleh beliau atau pegawai-pegawainya.

Tiada kenyataan juga diambil daripada Pengarah Pengurusan Polis Datuk Jamil Johari, katanya.

Bagaimanapun seorang pegawainya ACP Yahya Udin telah diarah mengambil kenyataan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob pada Ogos lepas, katanya.

Musa berkata pegawai yang sama juga telah merakam kenyataan daripada bekas Pengarah Jabatan Siasatan Datuk Ismail Che Ros pada Oktober lepas.

Katanya kenyataan turut diambil daripada bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik tetapi berkaitan siasatan kes lain.

Mengenai kenyataan daripada setiausaha politik Dr Mahathir, Datuk Aziz Shamsuddin, Musa berkata: "Saya sendiri yang mengambil kenyataan itu dan kalau tidak silap saya ia diambil pada September tahun ini."

Beliau berkata beliau juga mengambil percakapan berambaran daripada Anwar berkaitan kes itu.

Semasa ditanya mengenai kenyataan yang diambil terhadap Ma'amin Latip, lelaki yang didakwa Azizan sebagai orang suruhan Anwar, Musa berkata tiga

kenyataan diambil daripadanya. (Azizan mendakwa bahawa Ma'amin yang memaksanya menandatangani surat akuan berkanun menafikan semua perkara yang terbabit dengannya dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM").

Musa berkata kenyataan itu diambil oleh beliau dan seorang pegawai dalam tiga pertemuan semasa Ma'amin dipanggil ke Bukit Aman.

Musa berkata beliau ada berjumpa dengan Ma'amin di Balai Polis Sungai Udang, Melaka pada 19 Nov lepas, pada 26 Okt dan 22 Nov lepas di pejabatnya di Bukit Aman.

Musa bagaimanapun menolak cadangan peguam bahawa polis telah meminta Ma'amin mengubah kenyataannya.

"Saya mengetahui bahawa Ma'amin ada membuat laporan polis terhadap saya," katanya.

Menjawab pertanyaan Gurbachan mengenai Rahim King (Abdul Rahim Dhalan, yang juga didakwa oleh Azizan sebagai orang suruhan Anwar), Musa berkata beliau sendiri yang mengambil kenyataan lelaki itu pada 26 Okt lepas.

Semasa ditanya sama ada beliau tahu Rahim King selalu digunakan oleh Perdana Menteri untuk sesuatu projek, beliau menjawab tidak tahu.

Perbincaraan disambung pada sesi petang.

-- BERNAMA

NHD KHY RON